



**ASMA Ismail (berdiri tengah, belakang pengantin) bergambar bersama pengantin baru, Abu Bakar Saho dan Amina Saho di Galeri Bangunan Hal Ehwal Pelajar USIM di Nilai, Seremban, baru-baru ini.**

## USIM rai pengantin antarabangsa

SEREMBAN 21 Jan. - Mencipta ke-lainan bagi meraikan hari bahagia mereka, pasangan pengantin yang berasal dari luar negara, Abu Bakar Saho dan isterinya, Amina Saho mendapat peluang merasai majlis resepsi persandingan mengikut adat budaya masyarakat Melayu.

Majlis persandingan yang dilangsungkan secara sederhana tetapi meriah telah diadakan di Galeri Bangunan Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di Nilai, dekat sini kelmarin.

Abu Bakar yang berasal dari Gambia, merupakan Alumni USIM yang menerima ijazah pada Konvokesyen USIM ke-11 baru-baru ini dalam bidang Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa manakala pasangannya, Amina yang berasal dari Manchester, United Kingdom, merupakan seorang guru bahasa Inggeris di Krabi, Thailand dan telah memeluk Islam kira-kira lima tahun lalu.

Majlis resepsi persandingan Melayu itu diaturkan hasil inisiatif Per-

satuan Pelajar Antarabangsa (ISS) USIM dan mendapat kerjasama daripada Unit Kebudayaan dan Kesenian Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti itu.

Lengkap dengan busana tradisional Melayu, pasangan pengantin diarak dengan bunga manggar dan alunan kompang ke pentas pelamin dengan diiringi pelajar antarabangsa USIM serta sahabat handai terdekat.

Majlis persandingan itu diserikan dengan kehadiran Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Dekan FSU, Dr. Yasmin Hanani Mohd. Safian serta para pensyarah dan tetamu jemputan.

Asma dalam ucapannya pada majlis itu menyatakan harapan untuk melihat majlis yang menonjolkan adat dan budaya masyarakat di Malaysia kepada pelajar antarabangsa dapat diteruskan pada masa akan datang.

“Saya mendoakan kepada pasangan pengantin ini kekal selamanya dengan ikatan suci ini walaupun datang dari dua benua berbeza yang pastinya mempunyai kelainan bahasa, budaya dan adat resam,” katanya.

Perkenalan Abu Bakar dengan Amina bermula atas inisiatif rakan baiknya, Rushdy Muktar yang juga pelajar antarabangsa USIM berasal dari Thailand.

Atas faktor jarak, medium internet iaitu Facebook dan Skype menjadi penghubung untuk mengenali antara satu sama lain sehingga membawa kepada persetujuan bersama untuk mengikat tali pernikahan pada 5 Januari lalu.

Abu Bakar yang juga peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2013 melahirkan penghargaan atas majlis diaturnya untuk mereka berdua dan mengucapkan terima kasih kepada pengurusan universiti yang banyak membantunya sepanjang bergelar pelajar di USIM.